

# Intususepsi usus tersumbat

Metro 9/9/13 MS 29.

## Sebahagian usus kecil tertolak ke dalam usus besar



**PAKAR BEDAH**

**Dr Chan Kin Yoong**  
Perunding Bedah Am  
Pusat Perubatan Taman Desa

**A**pakah intususepsi? Intususepsi berlaku apabila sebahagian usus kecil tertolak masuk ke dalam satu lagi bahagian usus iaitu yang lebih besar dan menyebabkan halangan. Bayangkan, ia seperti teleskop panjang yang ditolak ke dalam untuk menjadikan ia lebih pendek.

### Mengapa ia berlaku?

Ia disebabkan dinding usus kanak-kanak yang sangat lembut dan mudah meregang untuk membolehkan satu lagi bahagian usus yang lebih kecil ditolak ke dalam. Ini berlaku ketika episod cirit-birit atau sembelit apabila

usus bergerak lebih cepat.

Pada pesakit yang mempunyai polip (tumor menonjol) di dalam usus, polip boleh bertindak seperti satu titik utama yang membolehkan usus ditolak dan tersangkut pada dinding bahagian usus yang lain.

### Mengapa penting kita tahu mengenai intususepsi?

Banyak kes intususepsi pada mulanya sesuatu yang dipandang ringan oleh ibu bapa iaitu masalah angin dalam abdomen yang tidak berbahaya.

Bagaimanapun, apabila kanak-kanak tiba di hospital, mereka kehilangan air dalam badan (dehidrasi) kerana sering muntah dan sebahagian usus yang mengalami intususepsi cedera teruk.

### Apakah gejala ditunjukkan

### kanak-kanak yang mempunyai halangan usus disebabkan intususepsi?

Kanak-kanak sering muntah dan sembelit dan kerap menangis kerana sakit perut. Perut akan menjadi lebih buncit dan ubat biasa yang diberi doktor tidak membuatnya bertambah baik.


Pada peringkat akhir, akan ada pendarahan dalam najis (seperti najis berlendir) akibat kecederaan usus.

### Apakah doktor akan lakukan jika kanak-kanak mengesyaki intususepsi?

Ujian sinaran-X perut dibuat pada usus kecil bagi melihat kemungkinan adanya halangan usus. Ultrasound abdomen mungkin menunjukkan usus menebal di sebelah kanan abdomen.

### Apakah langkah doktor bagi mengatasi intususepsi?

Enema barium pengurangan hidrostatik pertama akan cuba untuk mengenaikan tekanan menggunakan



**KEADAAN usus yang menyebabkan intususepsi.**

cecair barium untuk menolok dari hujung dubur ke arah intususepsi. Ini dilakukan di bawah pemantauan ubat pelali dan jika berjaya, kanak-kanak akan rasa lega serta-merta selepas prosedur.

### Adakah kanak-kanak perlu dimasukkan ke wad?

Ya, walaupun selepas pengurangan oleh enema barium, kanak-kanak perlu kekal di wad untuk tujuan pemantauan kemungkinan masalah intususepsi berulang selepas kanak-kanak mula diberi makan.

### Bagaimana jika pengurangan enema barium gagal?

Pembedahan perlu dilakukan untuk membantu mengurangkan intususepsi. Kadangkala, sebahagian dari-

pada usus yang cedera mungkin perlu dikeluarkan jika kecederaan terlalu teruk dan memerlukan penyambungan semula usus.

### Apakah berlaku jika usus yang termasuk ke dalam usus yang lebih besar ini ditemui ketika operasi didapati cedera tetapi masih dalam keadaan baik?

Pakar bedah akan cuba menolak bahagian usus berkenaan kepada kedudukan normal dan menunggu pergerakan usus dan aliran darah (warna asal) usus kembali kepada kedudukan normal sebelum mengesahkan kecederaan itu tidak serius. Dalam kes ini, usus tidak perlu dipotong

### Apakah berlaku jika usus yang ditemui ketika pembedahan

### tidak berfungsi (mati)?

Pakar bedah akan memotong bahagian usus yang mati dan menyambung semula bahagian usus yang sihat.

### Apakah akan berlaku jika usus dipendekkan selepas penyingkiran sebahagian daripada usus seperti dalam kes serius?

Kanak-kanak akan mengalami sedikit masalah kerana usus kurang menyerap makanan dan najis cair dalam tempoh pendek.

Pemakanan tambahan diberi dalam tempoh itu. Bagaimanapun, usus yang dipendekkan secara beransur-ansur akan berubah dan dapat menyesuaikan diri dengan berfungsi lebih baik dalam menyerap zat makanan.